

## Mahasiswa UMP Bincang Hala Tuju Cabaran Kontemporari



Kuantan, 30 September- Kira-kira 1000 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memenuhi Dewan Astaka Kampus Gambang untuk bersama-sama mengikuti program Forum "Apa Kata Gen Y" anjuran Jabatan Penerangan Negeri Pahang dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) baru-baru ini.

Barisan panel terdiri daripada mahasiswa UMP, Qamaruddin Mohd Fauzi dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, Madyasir Ahmad Basir dan Muhammad Ameen Abdul Aziz dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP) manakala Victor M.Jaki dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli dan moderator program adalah Auni Zahraa Ahmad Zubir dari Fakulti Pengurusan Industri.



Program dihadiri Pengarah Penerangan Negeri Pahang, Dato' Hj. Mohd Sabri Hj Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus. Turut hadir Pengarah Pusat Kokurikulum UMP, Ramli Abid, Pengerusi Majlis Pengetua UMP, Nasrul Salim Pakheri dan Timbalan Pengarah Gerak Saraf dan Pengurusan Isu Jabatan Penerangan Malaysia, Ariah Judah.

Menurut Dato' Hj. Mohd Sabri berkata, program merupakan platform bertukar informasi di antara Gen -Y dalam menyemarakkan semangat cintakan negara. Ianya dapat mewujudkan semangat kekitaan di antara masyarakat dan menasihatkan mahasiswa untuk bersyukur dengan kenikmatan yang dimiliki kini.



"Perkongsian pendapat dapat mengeratkan hubungan di antara agensi kerajaan, pentadbiran universiti dan mahasiswa perlu didedahkan program dalam melahirkan mahasiswa yang matang, sikap bertoleransi dengan minda kelas pertama," katanya.

Terdapat dua pusingan dalam forum ini iaitu yang pertama memberi pendapat dan informasi padat untuk didengari oleh para mahasiswa yang hadir dengan topik berlandaskan tema Hari Kebangsaan #SehatiSejiwa manakala pusingan kedua pula adalah menjawab persoalan individu dari hadirin.



Mahasiswa UMP dari Fakulti Pengurusan Industri, Nurhanidahlia Mohd Hamadi,21 berpendapat forum sebegini wajar diadakan setiap tahun agar mahasiswa dapat menyuarakan pendapat mereka untuk didengari oleh pihak yang bertanggungjawab. Majlis berakhir dengan sesi cabutan bertuah serta Qamaruddin Mohd Fauzi dinobatkan sebagai panel terbaik dalam penganjuran forum pada kali ini.

***Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 01-10-2015, 17:59:46